

**Perkahwinan Remaja: Satu Kajian di Kuching, Sarawak
(Teenage Marriage: A Study in Kuching, Sarawak)**

¹Nor Jana Saim

¹Suini anak Lejem

²Fatimah Abdullah

¹Noremy Md Akhir

¹Centre for Human and Societal Well-Being, Faculty of Social Sciences and Humanities,
Universiti Kebangsaan Malaysia

²Former Research Fellow, Department of Social Administration and Justice
Faculty of Arts and Social Sciences
Universiti Malaya

¹Corresponding e-mail: [janasaim@ukm.edu.my]

Commonly, teenage marriage affects schooling and being gainfully employed to support the family in later life. Most studies focused on the effects of marriage at the young age. However, less research is focusing on the experience of marriage from the perspective of the teenagers who get married at the teen age. This article aims to answer the following questions: (1) what are the experiences of teenage marriages, and (2) what are their views on teenage marriage. The article is based on semi-structured interviews with seven girls recruited by snowball technique, aged 15 to 23 years, married and living in Kuching, Sarawak. Data were analyzed by thematic analysis. Seven themes emerged on marriage experiences: being independent, nourishing patience, maintaining social boundaries, developing responsible behaviour, being inspired, staying positive and doubting their ability as a husband or wife. Moreover, four main themes described informants' views on teenage marriage: to avoid immorality, immaturity, making decisions wisely and accountability. It can be concluded that a person who gets married at the teen age is in need of help from various parties, especially parents and friends as well as community not to be stigmatized for being married at the teen age.

Keywords: teenage marriage, teenagers' experiences, Malaysia

Menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF, 2006), perkahwinan sebelum usia 18 tahun didefinisikan sebagai perkahwinan kanak-kanak. Di Malaysia, bagi orang bukan Islam, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 memperuntukkan bahawa umur minimum untuk berkahwin bagi perempuan ialah 18 tahun. Perkahwinan bagi perempuan yang telah mencapai umur 16 tahun dibenarkan setelah mendapat kebenaran bertulis

daripada Mahkamah dan Ketua Menteri. Bagi pasangan yang beragama Islam pula, di bawah Seksyen 8 Enakmen Keluarga Islam kebenaran hendaklah diperolehi dari Mahkamah dan persetujuan ibu bapa.

Statistik di negara-negara seperti di Sub-Saharan Afrika menunjukkan kes perkahwinan di bawah usia 18 tahun adalah sebanyak 51 peratus (UNICEF, 2016). Di negara-negara yang sedang membangun seperti Bangladesh, India, Nepal dan Somalia menunjukkan peratus

kes perkahwinan pada usia di bawah 18 tahun sebanyak 44 peratus (United Nations, 2013). Hal yang sama juga berlaku di Malaysia apabila pada tahun 2010 jumlah perempuan yang berkahwin pada umur dalam lingkungan 15 tahun hingga 19 tahun meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding dengan tahun 2000 iaitu sebanyak 1.2 peratus (Banci Penduduk Malaysia, 2010). Peningkatan bilangan perkahwinan pada umur remaja atau bawah 18 tahun ini mempunyai kaitan dengan kelompongan dalam Enakmen atau Akta Keluarga Islam. Menurut Saidon et al. (2015), kelompongan dalam Enakmen atau Akta Keluarga Islam dalam menangani perkahwinan di bawah usia 18 tahun seperti ketiadaan kaunseling pra-perkahwinan dan tiada peraturan atau prosedur yang ketat berkaitan hal tersebut. Sementelah pula kajian mengenai isu ini tidak begitu banyak dilakukan (Saidon et al., 2015).

Kajian mengenai perkahwinan pada usia remaja yang dijalankan di Afrika oleh Nour (2006) mendapati ibu bapa mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia remaja adalah kerana mahukan jaminan kewangan atau ekonomi. Hal ini mempunyai kaitan dengan pandangan dalam budaya masyarakat berkenaan yang melihat bahwa anak perempuan adalah beban kepada keluarga. Beban itu adalah berkaitan dengan kos yang tinggi untuk menyediakan makan minum, pakaian dan pendidikan. Ibu bapa tidak memperoleh banyak faedah daripada anak perempuan kerana apabila berkahwin mereka akan meninggalkan keluarganya kerana megikut suami dan menjadi tenaga kerja yang penting dalam keluarga suaminya.

Kajian oleh Homzah dan Sulaeman (2007) di Indonesia mendapati bahawa ekonomi merupakan salah satu faktor yang menyebabkan remaja berkahwin pada usia remaja. Ini kerana, masyarakat yang mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah atau lemah, ibu bapa lazimnya

kurang berkemampuan untuk membayai persekolahan anak-anak sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa “memaksa” anak-anak yang tidak bersekolah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi ini berkahwin pada usia remaja. Laporan akhbar Berita Harian (13 Mei 2016) juga menyatakan salah satu punca remaja di Sabah berkahwin awal adalah kerana jarak sekolah yang jauh.

Hotchkiss et al. (2016) menyebut implikasi perkahwinan di bawah usia 18 tahun. Antara implikasi perkahwinan di bawah usia 18 tahun ialah kegagalan kanak-kanak atau remaja berkenaan untuk menamatkan persekolahan serta berhadapan dengan risiko kesihatan akibat hubungan seks dan mengandung pada usia remaja (Hotchkiss et al., 2016). Di samping itu, remaja yang berkahwin sebelum usia 18 tahun juga berisiko kematian semasa bersalin (*maternal mortality*) sebanyak tiga kali ganda berbanding wanita berusia 20-24 tahun (Restrepo-Mendez & Victoria, 2014). Ketiadaan kelulusan pendidikan yang baik akibat dari tidak menamatkan persekolahan juga menjadi halangan kepada mereka untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik. Selain itu kehamilan dan kelahiran anak menyebabkan mereka terikat dengan peranan domestik seperti menjaga dan menguruskan hal anak-anak.

Pada masa yang sama, Seiler (2002) mengatakan perkahwinan pada usia remaja ini merupakan salah satu perkahwinan yang kurang stabil. Ini kerana, berkahwin pada usia remaja merupakan antara faktor yang menyebabkan meningkatnya kadar perceraian. Perkahwinan pada usia remaja juga meningkatkan risiko wanita kepada penderaan rumah tangga.

Kajian oleh Dahl (2010) juga mendapati individu yang berkahwin pada usia yang sangat muda berkecenderungan

untuk menghadapi masa depan yang kurang baik. Dahl (2010) juga berpendapat bahawa kebanyakan perkahwinan pada awal usia remaja adalah disebabkan keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa. Hasil kajian ini juga mendapatkan perkahwinan yang berlangsung pada awal usia remaja berpotensi untuk bercerai dalam tempoh 15 tahun setelah berkahwin, iaitu lebih pendek tempohnya berbanding dengan mereka yang berkahwin pada usia yang agak matang. Kajian yang dijalankan oleh Jensen dan Thornton (2003) pula mengatakan di negara-negara membangun wanita digalakkan untuk berkahwin pada usia yang muda. Akan tetapi, kebanyakan mereka sangat sedikit terlibat dalam menentukan dengan siapa mereka dibenarkan berkahwin dan/atau pada usia berapa mereka harus berkahwin.

Berdasarkan kepadauraian di atas, banyak kajian telah dijalankan terdapat beberapa persoalan berkaitan dengan perkahwinan pada usia remaja ini, antaranya ialah: Apakah pengalaman perkahwinan yang dilalui oleh remaja yang berkahwin pada usia remaja? Apakah pandangan remaja perempuan yang telah berkahwin mengenai perkahwinan di usia remaja? Justeru artikel ini bertujuan meneroka pengalaman remaja perempuan yang berkahwin di usia remaja dan mengenalpasti pandangan remaja perempuan yang telah berkahwin mengenai institusi perkahwinan di usia remaja.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini telah dijalankan di Kuching, Sarawak. Lokasi kajian ini telah dipilih kerana Sarawak merupakan negeri yang kedua tertinggi kehamilan remaja selepas Sabah (Rusnan Mustafa, 2017). Seramai tujuh orang informan telah dipilih menggunakan teknik bola salji (*snow-ball*). Kaedah ini didapati sesuai untuk mendapatkan informan yang sukar dikenalpasti oleh pengkaji (Abrams, 2010).

Kriteria informan adalah seperti berikut:

- i) Remaja perempuan yang berumur 15 tahun hingga 23 tahun.
- ii) Berkahwin
- iii) Memppunyai pengalaman berkahwin (tinggal bersama suami)

Pengkaji menggunakan kaedah temubual separa struktur bagi mendapatkan data. Temubual telah dijalankan sehingga data tenu.

Sebelum temubual dijalankan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran secara lisan daripada informan, suami informan, dan ibu bapa. Proses temu bual dengan informan dijalankan di lokasi yang kurang tumpuan orang ramai seperti di perpustakaan awam, kafe yang kurang pengunjung, dan juga di sekitar rumah informan. Sesi temu bual yang dijalankan mengambil masa lebih kurang satu jam setiap informan. Data temubual kemudiannya ditranskripsi dan disahkan oleh informan melalui emel atau aplikasi *Whatsapp*. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah tematik Braun dan Clarke (2006).

Hasil Kajian

Profil Informan

Seramai tujuh orang informan telah terlibat dalam kajian ini. Seorang informan berumur 18 tahun, dua informan berumur 21 tahun, seorang informan berumur 22 tahun dan tiga informan berumur 23 tahun. Terdapat informan yang masih belajar, bekerja dan tidak bekerja. Dari segi tahap kelulusan akademik, pengkaji mendapati seorang informan memiliki Ijazah Sarjana Muda, dua informan memiliki Diploma, dua orang informan memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), manakala dua informan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Jadual 1).

Kajian ini mendapati bahawa hampir kesemua informan telah berkahwin selama enam bulan dan lebih. Selain itu kajian juga mendapati hanya seorang informan yang masih belajar ketika berkahwin.

Kebanyakan informan menyatakan sebab mereka berkahwin awal adalah kerana jodoh datang lebih awal berbanding rakan yang lain. Selain itu terdapat juga informan yang menyatakan telah diminta oleh ibu bapa untuk berkahwin. Terdapat juga informan yang menyatakan mereka berkahwin kerana beliau sudah mengandung.

Pengalaman Perkahwinan

Dapatan kajian bagi pengalaman perkahwinan menghasilkan tujuh tema utama. Melalui Jadual 2, tema yang dikenalpasti adalah belajar berdikari, memupuk sabar, menjaga pergaulan, membina sikap bertanggungjawab, pembakar semangat, sentiasa positif dan diragui keupayaan sebagai pasangan. Walau bagaimanapun, setiap informan yang ditemubual mempunyai pengalaman yang berbeza sepanjang perkahwinan mereka. Berikut adalah huraian terperinci pengalaman perkahwinan berdasarkan tema-tema yang telah ditentukan. Tema itu ialah: belajar berdikari, memupuk sabar, menjaga batas pergaulan, membina sikap bertanggungjawab, pembakar semangat,

sentiasa positif dan hubungan renggang dengan mertua.

Belajar Berdikari

Sebahagian informan menyatakan bahawa apabila sudah berkahwin, mereka berusaha untuk tidak bergantung harap kepada keluarga dari kedua-dua belah pihak. Mereka cenderung mahu berdikari dan tidak bergantung kewangan daripada ibu bapa seperti tinggal di rumah sewa bersama dengan suami. Ini kerana mereka merasakan jika terlalu bergantung harap terhadap orang tua ianya akan menyusahkan. Selain itu tindakan berdikari juga bagi mengelakkan konflik dengan keluarga sendiri atau keluarga mertua sebagaimana yang dinyatakan oleh informan seperti berikut:

“..tidak suka bergantung harap dengan mak bapa kami. Susah juga kalau terlalu bergantung harap dengan mak bapa ni..”

“..Selalunya macam kawan saya yang seumur dengan saya, mereka berkahwin kebanyakannya tinggal dengan mak bapa. Memang kebaikannya awak tak perlu keluarkan duit sebab suami yang akan keluarkan duit. Keburukannya ada juga. Misal kata awak tak sekepala dengan keluarga mertua, macam mana awak nanti?..”

Jadual 1
Profil Informan

Informan	Umur (Tahun)	Kelulusan akademik
1	21	Diploma
2	23	Ijazah Sarjanamuda
3	23	STPM
4	23	STPM
5	18	SPM
6	22	SPM
7	21	Diploma

Jadual 2
Tema utama dan sub-tema pengalaman perkahwinan di usia remaja

Tema utama	Sub-tema
Belajar berdikari	Enggan bergantung kepada ibubapa
Menjaga batas pergaulan	Tidak lagi berbuat sesuka hati
Memupuk kesabaran	Jaga adab sebagai seorang anak
Membina sikap bertanggungjawab	Hubungan yang baik dengan mentua
Pembakar semangat	Menjaga aktiviti dan pergaulan sehari-an
Sentiasa positif	Banyak dugaan sebelum berkahwin
Diragui keupayaan sebagai pasangan	Lebihkan masa dengan keluarga
	Mengambil alih tugas menjaga anak
	Adaptasi dengan keadaan baru
	Meluangkan masa dengan keluarga dan keluarga mentua
	Berusaha mencari masa untuk bersama dengan anak
	Sokongan dari seseorang yang bermakna
	Perlu ada keyakinan untuk belajar sesuatu yang baru
	Pendirian yang tetap
	Penerimaan keluarga mentua yang baik
	Bapa suami masih ragu-ragu sebab terlalu muda
	Diterima setelah berbincang

Menjaga Batas Pergaulan

Tema menjaga pergaulan terhasil dari empat sub-tema; tidak berbuat sesuka hati, menjaga adab sebagai seorang anak, hubungan yang baik dengan mentua dan menjaga aktiviti dan pergaulan sehari-an. Pengkaji mendapati bahawa sebahagian informan menyatakan bahawa sepanjang usia perkahwinan mereka, antara perkara yang penting ialah mereka perlu menjaga pergaulan sehari-an. Informan berpendapat apabila sudah berkahwin, seorang isteri perlu menjaga pergaulan dengan kawan-kawan iaitu dengan tidak selalu keluar sampai lewat malam dan sebagainya. Manakala sebahagian informan berpendapat bila sudah berkahwin, seseorang itu perlu menjaga pergaulan demi kedudukan atau statusnya diri sebagai seorang isteri. Selain itu informan juga menyatakan pergaulan sehariannya telah mengalami perubahan yang sangat besar. Ini kerana, sebelum berkahwin ada sebahagian informan yang sering keluar rumah sehingga lewat malam. Namun,

setelah berkahwin, mereka merasakan perlu menjaga batas pergaulannya. Berikut adalah apa yang diungkapkan oleh informan-informan berkenaan semasa pengkaji menemubual mereka.

“.. Jadi bila awak nak biasakan diri dengan situasi dari sebelum berkahwin ke apa ke, jaga pergaulan kita. Tidaklah lepas berkahwin, awak masih lagi nak keluar sampai tengah malam dengan kawan-kawan kan? Kalau kami nak biasakan diri, kami buat apa yang patut. Macam mana nak cakap. Dulu masa awak bujang, awak boleh keluar dengan kawan-kawan suka hati, tapi bila dah berkahwin memang tak bolehlah. Bukan tak boleh, boleh keluar dengan kawan-kawan cuma kita kena jaga masa kita tu. Balik pukul 10 malam macam tu ke..”

(Informan 1)

“..dari masa muda, memang jauh beza lah. Macam time ko bujang mana kata ko lah, ko nak buat apa pun, nak balik akhir ka, tidur lambat ka.

Sekarang, ko memang kena fikir juga. Macam ko bangun pagi, anak ko mau minum susu ka, makanan anak lagi. Malam pun kalau mau keluar tu keluar juga lah tapi ada masanya, ada batasnya macam tu. Sebelum ni, nak balik pukul berapa tu tak kisah lah, tapi sekarang ko kena fikir sekarang ni ko bukan keluar dengan kawan-kawan. Ko keluar dengan laki ko, anak ko, family ko. Tapi adalah masa kalau nak keluar sampai malam, boleh keluar tapi cukup masa balik macam tu lah..”

(Informan 6)

Memupuk Kesabaran

Sebahagian informan juga menyatakan dengan perkahwinan ianya dapat memupuk sifat sabar dalam diri mereka. Tambahan pula mereka telah melalui pelbagai cabaran sebelum mendirikan rumah tangga. Sebagai contoh hasil temu bual bersama informan 2 mendapati bahawa sebelum berkahwin, dia dan suami telah banyak menghadapi dugaan dan cabaran sepanjang usia percintaan selama lebih daripada lima tahun. Disebabkan dugaan dan cabaran itu jugalah informan dan suami mengambil keputusan untuk berkahwin awal.

“..Sebab bagi kami dua, actually bagi kami dua dah lalui banyak cubaan dan dugaan. So bila dah tengok cubaan tu dah banyak sangat tapi still juga stick sama tu lah buat kami dua rasa macam mungkin dah tak dapat jauh dari sama diri kan. Jadi, kata orang tadi, sayang sangat-sangat. Macam tu lah. So. Make decision to married. Macam tak mau pisah pula...”

(Informan 2)

Membina Sikap Bertanggungjawab

Mempunyai rasa tanggungjawab terhadap perkahwinan yang dibina

walaupun pada usia remaja juga merupakan sebab penting informan berkahwin pada usia remaja. Bagi informan mereka berasa perlu menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan pelajar dan anak pada masa yang sama. Informan juga menunjukkan kecenderungan kebertanggungjawaban terutamanya dalam penjagaan anak. Informan juga menyatakan sika kebertanggungjawaban sebagai seorang anak perempuan dan juga menantu dengan membahagikan masa terhadap kedua-dua belah pihak; keluarga dan mertua. Mereka juga sedar akan tanggungjawab untuk menjaga adab pergaulan apabila berada di dalam kalangan keluarga mertua.

Pandangan mereka berkaitan dengan isu tanggungjawab itu boleh difahami berdasarkan kenyataan-kenyataan berikut:

“..Pengurusan masa aku very limited. I have very limited time. Masa pagi aku akan pergi kelas, so anak memang mak mertua jagalah ataupun mak sendiri jaga. Lepas tu kalau dah balik dari kelas, arr.. slalunya saya take over. Anak akan saya bawa tidur bersama kecuali time final exam memang tak dapat lah..”

(Informan 2)

“..Kalau saya... err hmm.. family kami orang.. memang tengok family lah. Tengok family selalu buat macam ni, aku ikut juga. Kalau tak.. entahlah.. bukan jenis yang suka keluar. Memang selalu dengan family jak. Lebih kurang macam tu lah..”

“..Pengurusan masa.... Dalam masa sehari tu, sehari tu berapa jam ja kan. Pagi, kita buat macam kita isterilah. Pagi, bangun pagi, masak ka, lepas tu kalau ada urusan lain, tengoklah keadaan. Macam kita mau keluar tengok dulu ada tak orang jaga baby? Kalau takda orang jaga baby, so tak

keluarlah. Terpaksa tunggu hari lain. And then kalau dengan family laki ku, selalu hujung kami orang pulang kampung. Waktu dia off day kadang-kadang, kami kalau ada urusan pegi kampunglah dengan mak mertua..."

(Informan 3)

"..Hmmm.. macam orang tua ku dah nasihat sebab kalau dah ada mak bapa mertua ni, macam layan macam biasa jak. Macam orang tua sendiri juga..."

"..hmm.. macam kita kan kerja pakai shift kan, kalau hujung minggu selalunya kalau aku shift morning atau shift afternoon, aku kadang-kadang balik kampung ku sendiri. Kalau hari biasa, aku off day, aku balik rumah mertua ku lah.."

(Informan 4)

Pembakar Semangat

Pembakar semangat bermaksud menjadikan perkahwinan sebagai pendorong untuk mencapai kejayaan. Berdasarkan data yang dikumpul, pengkaji mendapati bahawa tema ini disenaraikan apabila Informan menyatakan bahawa berkahwin awal ini juga mempunyai faedah iaitu sebagai seorang isteri dan pelajar. Menurut informan berkenaan, suami adalah sumber sokongan, motivasi dan juga pembakar semangat dalam setiap perkara yang dilakukan terutamanya dalam pelajarannya. Hal ini tentulah sangat penting bagi informan berkenaan yang sedang menyambung pelajaran dalam ijazah sarjanamuda.

"...Kalau ko dah berkawin ni lah, satu benefitnya you have that motivation and determination from your partner. It's mean that your partner is your errr .. apa booster? Errmm Energy booster..."

"...Motivation booster and sebab masa aku tengah belajar yang aku tak tidur malam untuk final exam actually

my husband is beside me. Dia pun tengah tunggu aku habis belajar, baru tidur, tutup lampu. Dia memang big supporter for me lah. My biggest supporter. Kalau aku nak cakaplah, setiap kali aku malas ka apa ka, dia mesti selalu tegur aku. "Oi! Belajar", macam tu lah..."

(Informan 2)

Sentiasa Positif

Informan menyatakan mereka perlu sentiasa berfikiran positif dan kurang memberi perhatian kepada perkara-perkara negatif dari orang sekeliling.

"...Tak terasa sangat perubahan tu sebenarnya. Buat macam biasa jak. Tak kisah lah apa yang orang lain nak cakap pasal saya kawen awal ni..."

"...hah. Tu lah. Saya ni tidak kisah dengan apa yang orang lain mau cakap. Lagipun saya beli barang-barang, makan semua tu pakai duit sendiri..."

(Informan 5)

Diragui Keupayaan sebagai Pasangan

Analisis kajian mendapati sebahagian informan diragui keupayaan mereka untuk berumahtangga disebabkan oleh faktor usia yang masih muda. Seperti yang dialami oleh Informan 6, walaupun dia diterima dengan baik oleh keluarga mentua tetapi hubungan mereka agak kekok kerana pada peringkat awalnya perkahwinan mereka mendapat tantangan.

"..Mula-mula memang mak bapak laki ku cakap memang terlalu awal lah, lagipun perjalanan kita masih jauh bah. Apa boleh buat jak lah. Mula-mula memang family dia tak nak lah tapi bila mereka rasa aku macam ni sebab mereka tak nak anak mereka kawen terlalu awal. Lepas tu bila dia hmm..First-first kami orang takda

cakap kami orang nak kawen bila berjumpa dengan family. Lepas tu kami bagitaulah yang kami orang plan macam ni macam ni sebab kami orang dah plan nak berumahtangga. So family dia cakap okaylah. So terima macam tu jak lah. Mula-mula memang kekoklah rasanya sebab mula-mula family dia tak mau terima kan, so terima macam tu jak lah. Mak bapak aku sendiri okay lah cuma family laki ku jak yang ada rasa macam halangan sikit macam tu..."

(Informan 6)

Pandangan Remaja Mengenai Perkahwinan pada Usia remaja

Analisis data untuk topik pandangan remaja mengenai perkahwinan di usia remaja menghasilkan empat tema utama yang terbentuk dari sub-tema (Jadual 3). Jadual 3, menunjukkan tema yang dikenalpasti adalah; mengelak maksiat, belum cukup matang, bijak membuat keputusan dan sentiasa positif. Berdasarkan maklumat yang telah dikumpul, pengkaji mendapati informan yang ditemubual mempunyai pandangan yang berlainan berhubung dengan remaja perempuan yang telah berkahwin pada usia remaja, disebabkan pengalaman mereka dalam menghadapi perkahwinan.

Mengelakkan Maksiat

Informan berpendapat bahawa berkahwin ini merupakan suatu perkara yang baik. Ini kerana berkahwin pada usia yang muda dapat mengelakkan mereka dari melakukan maksiat. Selain itu informan juga menyatakan bahawa berkahwin awal adalah sesuatu yang baik dan ia dapat membantu mengurangkan kes pengguguran kandungan atau pembuangan bayi. Akan tetapi, informan juga mengatakan bahawa, remaja perempuan perlu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi walaupun sekadar sebagai pelajar separuh masa sepertinya.

"..Bagi saya benda begitu tak salah sebenarnya. Macam orang kata daripada terus buat maksiat atau orang ketiga ke apa."

"..Jadi lebih baik berkahwinlah sebab apabila kamu berkahwin, kamu tak dapat buang isi yang dah ada."

"..Awak ambil saja belajar separuh masa. Janji awak belajar. Ada sijil macam saya."

(Informan 1)

Belum Cukup Matang

Penemuan kajian juga menunjukkan hampir separuh daripada informan yang ditemui iaitu Informan 2, 5 dan 6. Menurut mereka, remaja perempuan yang mahu berkahwin awal perlu fikir dua tiga kali atau fikir sedalam-dalamnya keputusan yang diambil. Ini kerana, umur remaja yang mahu berkahwin awal ini memandangkan pada usia ini mereka belum cukup matang untuk membuat keputusan yang penting.

Informan juga berpendapat bahawa remaja perempuan yang berniat untuk berkahwin awal ini perlu memikirkan sedalam-dalamnya keputusan yang diambil. Ini kerana, mereka belum cukup matang untuk buat keputusan yang begitu besar. Informan berpendapat perkahwinan memerlukan komitmen yang sangat tinggi. Namun, sekiranya ibu bapa menggalakkan mereka untuk berkahwin dan menanggung segala kos, maka tidak ada masalah sekiranya mereka mahu berkahwin awal. Selain itu, informan juga berpendapat bahawa remaja yang ingin berkahwin awal ini harus menyambung pelajaran sama ada untuk mendapatkan sijil atau mencari kerja pada masa akan datang.

"... Belum cukup lagi untuk fikir decision yang begitu besar. Sebab perkahwinan ini adalah satu komitmen yang sangat-sangat besar...."

“... kalau kedua-dua belah ibu bapa itu err apa.. macam erm erm mampu untuk menanggung, masih di bawah tanggungan ibu bapa agak susah sedikit sebab kalau ibu bapa itu sendiri yang setuju and sudi untuk menanggung anak-anak kawen muda tak kisah kalau mau kawen muda...”

“.... Er.. kalau dia mau berkawen boleh tapi make sure that dia still pursue dia punya pelajaran after dia married...”

“...boleh lah. Tapi yang penting habiskan study and ada sijil.”

(Informan 2)

Informan juga mengatakan perkahwinan merupakan salah satu fasa baru dalam kehidupan. Menurutnya lagi, berkahwin pada usia remaja tidak menjadi suatu masalah sekiranya remaja perempuan ini sudah berfikir dengan betul dan yakin dengan keputusan yang dibuat. Pada masa yang sama, mereka perlu berbincang dengan keluarga masing-masing. Informan melihat pentingnya tidak mengabaikan pelajaran. Menurut mereka adalah suatu yang merugikan jika seseorang itu tidak meneruskan pelajaran semata-mata kerana berkahwin. Ini kerana, berkahwin awal juga ada risiko yang perlu dihadapi, dan sebagai remaja perempuan, mereka perlu berfikiran matang dalam menghadapi situasi setelah berkahwin.

“...bagi saya takda masalah pun sebenarnya. Yang penting mereka sudah fikir betul-betul dan yakin. Lagipun kawen ni merupakan satu keputusan besar. Mereka perlu berbincang dengan family masing-masing dulu kalau mau kawen awal...”

“... kalau bagi saya, perkara tu sangat merugikan. Lagipun kawen awal ni pun ada risikonya. Sebagai perempuan, kita kena berfikiran Jadual 3

matang kalau sudah kawen sebab kita masuk fasa baru dalam hidup kita...”
(Informan 5)

Informan juga berpandangan bahawa remaja perempuan yang ingin berkahwin awal perlu memikirkan dengan mendalam mengenai keputusan yang diambil. Ini kerana, informan berpendapat bahawa sekiranya remaja belum bersedia untuk memikul tanggungjawab yang berat, maka mereka tidak sepatutnya digalakkan untuk berkahwin awal. Menurut informan, sekiranya remaja mahu berkahwin awal, mereka mesti meneruskan pelajaran memandangkan kerana pelajaran dapat memastikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan seterusnya menyara keluarga. Sungguhpun dia pernah terfikir untuk tidak meneruskan pengajian tetapi niat itu diketepikan kerana dia merakan satu kerugian lebih-lebih lagi bila memikirkan masa depannya.

“...entahlah, selalunya aku ada kawan yang cakap dia nak kawen awal, tapi aku bagitau dengan dia jangan dulu. Korang belum ada apa-apa lagi”

“..Tu lah ku cakap dengan kawan ku jangan kawen awal kalau belum bersedia nak memikul tanggungjawab tu....”

“...Memang pernah terfikir nak sambung belajar tapi lepas tu kalau aku fikir lagi balik kalau aku sambung belajar nanti makin macam beban aku tu makin bertambah tau tak....”

“..: Bagi aku benda tu memang sangat rugi lah. Kalau di usia tu lah, kalau aku yang berada di usia tu mungkin fikiran orang dengan fikiran kita tak sama kan....”

(Informan 6)

Tema pandangan remaja tentang perkahwinan pada usia remaja

Tema	Sub-tema
Mengelakkan maksiat	Mengurangkan kes penggugusan atau buang bayi
Belum cukup matang	Ambil kira pelbagai aspek
Bijak membuat keputusan	Perlu persediaan fizikal dan mental
Bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan	Mohon kebenaran ibu bapa
	Berfikiran jauh
	Bersedia memikul tanggungjawab tindakan
	Pilihan sendiri

Bijak Membuat Keputusan

Hasil kajian mendapati bahawa, remaja yang masih di bawah umur perlu meminta pandangan atau persetujuan daripada ibu bapa sekiranya mahu berkahwin. Hal ini disebut oleh Informan 3 yang berpendapat bahawa remaja perempuan perlu meminta pandangan daripada orang tua terlebih dahulu. Ini kerana, berkahwin pada usia 17 tahun memerlukan persetujuan ibu bapa kerana mereka yang akan menandatangani surat perkahwinan ketika pendaftaran perkahwinan dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara. Pada masa yang sama, informan juga berpendapat bahawa, sekiranya seseorang itu sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai isteri maka mereka boleh meneruskan untuk berkahwin awal. Apabila dikemukakan soalan berkaitan dengan pelajaran bagi yang berkahwin awal, informan berkenaan merasa sesuatu yang rugi atau kehidupan yang sia-sia jika perkahwinan menyebabkan pembelajaran terganggu. Informan ini bertegas tentang pentingnya menyambung pelajaran walaupun telah berkahwin.

“..Suruh dia minta pandangan dia dari familylah. Kalau family dia okay, kita teruskanlah. Kalau memang ingin bertanggungjawab, ingin memikul tanggungjawab sebagai suami isteri tu. Arr. Bolehlah mereka jadi...”

“...Kalau umur dia masih bawah umur, kalau dia kawen, dia susah juga. Sebab dia mesti mau sign daripada ibu bapa dia...”

(Informan 3)

Pandangan Informan 4 mengenai remaja yang ingin berkahwin awal ini adalah perlunya berfikiran jauh dan bijak membuat keputusan. Ini kerana, bagi informan berkenaan sekiranya remaja perempuan ini mahu berkahwin awal, maka mereka perlu pandai hal-hal berkaitan dengan sebarang kemungkinan berkaitan perkahwinan yang akan dilaluinya. Berkaitan dengan pandangan mengenai pelajaran, informan berkenaan mengatakan bahawa, sekiranya remaja ini tidak mahu lagi menyambung pelajaran, maka itu terserah kepada individu berkenaan, akan tetapi mereka perlulah pandai berfikir.

“...hmmm.. entahlah. Bagi akulah, kalau mereka sendiri mau kawin mereka sendiri pandai fikirlah....”

“...Hmm.. Kalau mereka macam tak mau belajar, hmmm.. tu pun mereka pandai-pandailah fikirlah...”

(Informan 4)

Bertanggungjawab terhadap Tindakan yang Dilakukan

Bagi informan 7 pula, dia berpendapat bahawa masyarakat perlu memandang perkahwinan pada usia remaja

ini dari sudut yang positif. Ini kerana, informan tersebut berpendapat bahawa sebarang keputusan yang diambil akan ditanggung oleh individu itu sendiri. Malah keputusan untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi juga adalah pilihan sendiri.

“...Kita kena tengok dari sudut pandangan positif sajalah...”

“...Terpulanglah dengan individu tersebut sebab kalau dia masih belajar kemudian dia berkahwin erm... macam mana cakap ni...”

“...dia boleh juga lepas berkahwin, dia boleh belajar tapi ada juga sesetengahnya dia terpulang dengan individu itu sendiri lah...”

(Informan 7)

Perbincangan

Hasil kajian terhadap remaja yang berkahwin pada usia remaja menunjukkan kematangan dalam melalui pengalaman sepanjang perkahwinan. Remaja juga berpendapat perkahwinan di usia remaja bukanlah suatu perkara yang kecil kerana ia memerlukan seseorang yang terlibat membuat keputusan yang besar atau keputusan penting dalam kehidupan.

Pengalaman Perkahwinan

Remaja yang berkahwin pada usia remaja menunjukkan kematangan dengan kenyataan bahawa mereka perlu berdikari dalam menjalani kehidupan sebagai pasangan suami isteri, dan tidak mahu terlalu kerap bergantung harap kepada orang tua sendiri dan juga keluarga mertua, membayangkan kesukaran yang terpaksa mereka lalui. Pengalaman tinggal berdua bersama di rumah sewa merupakan antara cabaran yang perlu mereka lalui.

Namun, menurut hasil kajian oleh Han Xiao @ Indah (2016), kos hidup yang tinggi di bandar membebankan seseorang terutamanya dalam menyediakan ruang yang mencukupi serta selesa untuk keluarga. Ini menyebabkan pasangan yang telah berkahwin memilih untuk tinggal bersama-sama dengan ibu bapa memandangkan kos hidup mungkin lebih rendah. Namun di pihak ibu bapa, mereka melihat bahawa anak-anak yang tinggal bersama dengan ibu bapa sebagai ketidakmampuan untuk berdikari. Situasi tersebut juga menyebabkan mereka masih lagi dikawal oleh ibu bapa dalam segala hal yang dilakukan.

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh remaja mengatakan bahawa mereka perlu menjaga pergaulan sehari-hari. Ini kerana, mereka perlu memikirkan mengenai suami, anak dan keluarga selain daripada diri sendiri. Keadaan ini kerana, beberapa remaja yang ditemubual mengatakan bahawa sebelum berkahwin, mereka kerap keluar dengan kawan-kawan sehingga larut malam atau awal pagi. Namun selepas berkahwin, mereka berubah dengan menjaga pergaulan dan tidak keluar sehingga larut malam.

Hasil kajian ini juga mendapati remaja sedar bahawa bersabar merupakan satu perkara yang penting dalam menghadapi dugaan perkahwinan. Hal ini demikian, memandangkan cabaran dan dugaan datang hampir setiap hari dalam kehidupan mereka. Kesabaran itu adalah berkait dengan karenah keluarga mertua yang selalu meminta mereka membuat kerja-kerja yang menyebabkan mereka merasa terbeban. Selain itu, mereka juga perlu sentiasa bersabar dengan ketidaaan suami akibat selalu bekerja lebih masa sehingga menyebabkan mereka tinggal bersendirian di rumah lebih-lebih lagi semasa sedang mengandung. Bagi remaja yang mempunyai pelbagai peranan iaitu sebagai pelajar di samping menjadi isteri, mereka juga perlu bersabar dan

mengingatkan diri agar memberi komitmen terhadap pengajian. Namun bagi pasangan yang masih muda, kesabaran ini merupakan sesuatu yang mencabar dan susah untuk dihadapi. Mengenai hal ini Homzah dan Sulaeman (2007) menyebut bahawa seluruh kehidupan perkahwinan ini haruslah dilalui dengan penuh kesabaran dan ketaatan kepada Sang Pencipta.

Perkahwinan pada usia remaja ini turut menyebabkan mereka memikul pelbagai peranan iaitu sebagai anak, isteri, ibu dan pelajar. Walau bagaimanapun, remaja yang berkahwin menunjukkan rasa kebertanggungjawaban dalam melaksanakan peranan mereka. Dalam kalangan mereka yang berkahwin ketika masih belajar mereka harus berhenti sekolah. Tindakan ini tentunya berkait rapat dengan sokongan dari pihak institusi pendidikan. Bagi remaja yang mengandung pula, sokongan daripada pihak klinik kesihatan amat penting dalam memastikan mereka dapat menjaga kesihatan diri dan kandungan.

Hasil kajian yang diperoleh ini juga mendapati bahawa perkahwinan pada usia remaja ini mampu menjadi pembakar semangat kepada seseorang individu. Ini adalah kerana, remaja yang ditemubual mengatakan ketika menghadapi tekanan menjelang peperiksaan akhir semester, suami banyak menyokong mereka seperti menemani semasa ulangkaji sehingga larut malam. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa, remaja yang berkahwin pada usia remaja sentiasa positif dalam menghadapi dugaan. Contohnya, dalam menghadapi stigma dari masyarakat sekitar kerana berkahwin di usia remaja.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mana (2000), terdapat persepsi atau pandangan yang positif mengenai perkahwinan pada usia remaja ini. Berdasarkan kepada kajiannya terhadap remaja Hmong di Vietnam didapati

bahawa berkahwin awal ini adalah suatu kebiasaan dan diterima. Pada masa yang sama, kajian ini Mana juga mendapati bahawa sekiranya berkahwin atau apabila berkahwin, jangkaan untuk menyambung pengajian selama 2 hingga 4 tahun berkemungkinan berkurangan kerana akan adanya isu lebih penting yang melibatkan pembentukan keluarga.

Perhubungan dalam perkahwinan juga dapat dilihat dalam konteks perhubungan yang bermasalah atau renggang dengan keluarga mertua. Kerenggangan hubungan dengan keluarga mertua berlaku pada awal usia perkahwinan, apabila mereka tidak menerima baik hasrat untuk berkahwin awal. Keadaan ini berterusan sehingga mereka mempunyai anak. Walaupun mereka tetap berhubung dengan keluarga mertua namun perhubungan yang renggang antara mereka sukar dipulihkan.

Pandangan Remaja Mengenai Perkahwinan Pada Usia Remaja

Hasil kajian ini menunjukkan remaja yang berkahwin di usia remaja memberi pandangan yang berbeza mengenai perkahwinan mereka. Ada yang menyokong dan ada yang menolak, dan alasan itu sangat berkait rapat dengan pengalaman yang telah mereka lalui. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa remaja yang berkahwin pada usia remaja berpandangan bahawa berkahwin awal adalah suatu perkara yang baik kerana, melalui perkahwinan, mereka dapat mengelakkan maksiat atau perkara yang tidak diingini yang semakin berleluasa pada masa ini.

Terdapat juga informan yang berkahwin di usia remaja berpendapat bahawa mereka memilih untuk berkahwin dalam keadaan yang belum cukup matang untuk membuat keputusan. Hakikatnya keputusan untuk berkahwin merupakan satu keputusan besar dan perkahwinan

adalah ikatan perhubungan untuk seumur hidup. Pada masa yang sama, remaja juga yang dikaji ini juga berpendapat mereka membuat keputusan yang terburu-buru itu ada kaitannya usia mereka yang muda.

Berdasarkan kepada hasil kajian juga pengkaji mendapati bahawa informan berpendapat remaja perempuan yang mahu berkahwin pada usia remaja ini perlu bijak membuat keputusan. Ini kerana, pada usia yang masih muda mereka perlu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sekiranya mereka berkahwin pada usia remaja peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi mungkin terhalang dan ini boleh merugikan diri sendiri. Selain itu mereka juga berpendapat remaja perempuan yang telah berkahwin perlulah memandang perkahwinan mereka sebagai satu perubahan yang walaupun berbeza dengan pandangan ini sebagai sesuatu yang positif. Ini kerana, masyarakat umum yang melihat berkahwin pada usia remaja adalah suatu keputusan yang tidak baik.

Selain itu, kajian oleh Homzah dan Sulaeman (2007) mendapati remaja menunjukkan pandangan yang positif mengenai erti dan kesejahteraan perkahwinan di usia remaja. Hal tersebut didapati sama dengan kajian terhadap remaja di Kuching Sarawak ini yang menunjukkan adanya motivasi positif dalam diri remaja berkenaan untuk berkahwin pada usia remaja. Malah mereka juga bersikap positif menyiapkan diri untuk menuju ke alam perkahwinan. Selain itu, Homzah dan Sulaeman (2007) juga mendapati bahawa secara umumnya remaja yang mereka kaji berpandangan positif mengenai erti dan manfaat keluarga serta kesejahteraan keluarga. Malah menurut Homzah dan Sulaeman lagi, memaklumkan kepada ibu bapa tentang pentingnya sokongan mereka kepada anak-mereka. Hal ini penting agar anak-anak remaja merasakan bahawa mereka masih

sebahagian daripada remaja berkenaan berpendirian: “daripada tidak ada pekerjaan, lebih baik mereka berkahwin”.

Kesimpulan

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian awal artikel, kajian mengenai remaja yang berkahwin di usia remaja ini telah dilakukan di Kuching, Sarawak. Sehubungan itu penemuan kajian ini mungkin berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan di Semenanjung Malaysia. Ianya berkemungkinan disebabkan perbezaan latar belakang sosiobudaya antara kedua tempat ini. Selain itu latar belakang etnik yang berbeza juga mungkin mempengaruhi penemuan kajian. Malah jika dilihat dalam konteks pembangunan sosioekonomi juga didapati tahap pembangunan masih di belakang berbanding pembangunan bandar-bandar lain di Semenanjung. Sehubungan itu secara amnya penerimaan terhadap perkahwinan pada umur remaja masih meluas. Artikel ini tidak bertujuan untuk menyokong perkahwinan pada usia remaja, sebaliknya cuba melihat bagaimana remaja yang telah berkahwin pada umur muda itu dapat dibantu. Sehubungan itu dinyatakan peranan keluarga, komuniti, dan pihak berwajib.

Kajian ini mendapati tidak semua individu yang berkahwin di usia remaja mendapat sokongan yang baik atau diterima oleh ibu bapa. Sehubungan itu, selain daripada ibu bapa, pihak-pihak lain seperti difikirkan perlu memberi pengetahuan secukupnya dan menyokong keputusan remaja untuk berkahwin awal. Pihak lain bukan sahaja perlu mendekati remaja yang berkenaan tetapi juga perlu mendekati keluarga mereka dengan

disayangi dan dihargai oleh ibu bapa dan keluarga mereka sendiri.

Dapatan kajian diharap dapat membantu pihak berwajib seperti pihak

Kementerian Kesihatan Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyediakan program-program intervensi kepada pasangan yang berkahwin di usia remaja. Seterusnya, dapatan kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak institusi yang berkaitan dalam membantu remaja yang berkahwin dan tidak meneruskan pelajaran.

Rujukan

- Abrams, L. S. (2010). Sampling “Hard to Reach” populations in qualitative research: The case of incarcerated youth. *Qualitative Social Work: Sage Journals*, 9(4), 536–550.
- Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian). (1976). Malaysia.
- Baharudin Ali Masron, Fatini Yaacob, & Zaini Ujang. (1992). *Fenomena remaja*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Berita Harian. (13 Mei 2016). *Sekolah jauh punca remaja di Sabah kahwin cepat*. https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/player.php?video=/kpwkm/uploads/images/Kertan%20Akhbar/2016/Mei%202016/BH13_5_16%20%20Sekolah%20jauh%20punca%20remaja%20di%20Sabah%20kahwin%20cepat.jpg. Diaskses pada 24 Julai 2018.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <http://dx.doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Dahl, G. B. (2010). Early teen marriage and future poverty. *Demography*, 47(3), 689-718.
- HanXiao @ Indah. (2016). Pemodenan dan pembentukan keluarga Melayu di bandar. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(2), 245–261.
- Hoesni, S. M., Mohamad, M. S., Hafidz, S. W. M., Chong, S. T., & Subhi, N. (2012). Meneroka konsep cinta dalam perkahwinan dalam kalangan Melayu bandar yang akan berkahwin. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 76–83.
- Homzah, S., & Sulaeman, M. (2007). *Motif (faktor pendorong) dan persepsi kawin usia remaja pada remaja pedesaan di Jawa Barat*. Seminar Kebudayaan Indonesia Malaysia X Universitas Padjajaran-Universitas Kebangsaan Malaysia. 1–22.
- Hotchkiss, D. R., Godha, D., Gage, A. J., & Cappa, C. (2016). Risk factors associated with the practice of child marriage among Roma girls in Serbia. *BMC International Health and Human Rights*, 16(6).
- Jensen, R., & Thornton, R. (2003). Early female marriage in the developing world. *Gender & Development*, 11(2), 9–19.
- Mano, V. (2000). Perceptions of early marriage and future educational goals attainment for Hmong female adolescents. Tesis Ijazah Sarjana Sains. Universiti Wisconsin-Stout, Menomonie.
- Nour, N. M. (2006). Health consequences of child marriage in Africa. *Emerging Infectious Diseases*, 12(11), 1644–1649.
- Rusnan Mustafa. (2017). *Sarawak kekal kedua tertinggi kehamilan remaja*. Utusan Borneo. 11 Feb 2017. Diakses pada 24 Julai 2018.
- Saidon, R., Adil, M. A. M., Sahri, M., Alias, B., Daud, N. M., & Murad, K. (2015). Developing a new model of underage marriage governance for Muslims in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 23(4), 638–646.

- Kerajaan Negeri Sarawak. (2014). *Statistik Sosial Sarawak 2005-2013*.
- Sari, F. P. (2006). *Perkawinan usia remaja: Faktor-faktor pendorong dan dampaknya terhadap pola asuh keluarga (Studi kasus di desa Mandala giri kecamatan Leuwisari kabupaten Tasikmalaya)*. Tesis Sarjana. Universitas Negeri Semarang.
- Seiler, N. (2002). *Is teen marriage a solution?* Center for Law and Social Policy. Washington: Amerika Syarikat.
- Steiner, R. (1994). *How to know higher worlds: A modern path initiation*.
- Terj. Christopher Bamford & Sabine Seiler. Amerika Syarikat. Anthroposophic Press.
- UNICEF. (2006). Early marriage strips children, especially girls, of their childhood. <https://www.unicef.org/sowc06/profiles/marriage.php> [19 Disember 2016].
- UNICEF. (2016). Child marriage. <http://data.unicef.org/topic/child-protection/child-marriage/>. [7 November 2016].
- United Nations. (2013). Population facts. *Social Affair Population Division*, 2–5.